



## UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

### PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2011/2012

NAMA KURSUS	:	TEKNOLOGI MAKLUMAT DALAM PTV
KOD KURSUS	:	BBC 3012
PROGRAM	:	SARJANA MUDA PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JUN 2012
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN A DAN B. JAWAB SATU SOALAN SAHAJA DI BAHAGIAN C


KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI LAPAN (8) MUKA SURAT

**BAHAGIAN A**

- S1** Apakah yang dimaksudkan dengan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)?
- A. Apa sahaja bentuk komunikasi dan kemudahan aplikasi berasaskan komputer.
  - B. Suatu bentuk teknikal yang digunakan untuk memperbaiki persekitaran mereka berkaitan dengan pengetahuan menggunakan perkakasan dan mesin untuk melakukan tugas-tugas secara cekap.
  - C. Perhubungan yang dilakukan dengan perkataan, surat atau mesej, pertukaran fikiran atau pendapat melalui hubungan dua hala.
  - D. Termasuk semua kemudahan komunikasi atau aplikasi serta pelbagai perkhidmatan dan aplikasi berkaitan dengan manusia.
- S2** Literasi komputer juga dikenali sebagai literasi digital yang berkaitan dengan seseorang itu mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang terkini berkenaan dengan \_\_\_\_\_.
- A. pengaturcaraan komputer
  - B. komputer dan penggunaannya
  - C. membaikpulih komputer
  - D. memasang perkakasan komputer
- S3** Manakah antara berikut merujuk kepada empat komponen asas komputer ?
- A. Peranti input, peranti output, unit pemprosesan pusat dan peranti storan.
  - B. Peranti input, peranti output, unit sistem dan peranti storan.
  - C. Peranti input, peranti output, peranti pemprosesan dan peranti storan.
  - D. Peranti input, peranti output, sistem pengoperasian dan peranti storan.
- S4** Peranti input di bawah adalah merupakan peranti penuding (pointing device) kecuali
- A. Bebola jejak (TrackBall).
  - B. Kayu penunjuk (Pointing stick).
  - C. Tetikus (mouse).
  - D. Papan kekunci (keyboard).
- S5** Peranti imbasan menterjemah imej teks, lukisan, gambar dan yang serupa dengannya kepada bentuk digital untuk dimasukkan secara langsung ke komputer. Manakah antara berikut merupakan peranti pembaca imbasan menggunakan kaedah pengecaman magnetik ?
- A. Pembaca aksara dakwat magnetik (magnetic ink character reader (MICR)).
  - B. Pembaca aksara optik (optical character recognition(OCR)).
  - C. Pembaca tanda optik (optical mark recognition(OMR)).
  - D. Pembaca kod palang (bar code reader).

- S6 \_\_\_\_\_ direka bentuk supaya mesra pengguna dan mengurangkan kecederaan tangan pengguna.
- A. Papan kekunci permainan
  - B. Papan kekunci tanpa wayar
  - C. Papan kekunci ergonomik
  - D. Papan kekunci khas
- S7 Manakah antara berikut bukan merupakan jenis asas output ?
- A. Teks.
  - B. Animasi.
  - C. Grafik.
  - D. Video.
- S8 Pilih pernyataan yang benar mengenai monitor jenis tiub sinar katod (*cathode ray tube(CRT)*).
- A. Harganya lebih mahal.
  - B. Menggunakan tenaga yang lebih efisien.
  - C. Mempunyai sudut pandangan yang lebih baik.
  - D. Menggunakan ruang yang kurang.
- S9 Pencetak jenis ini mempunyai kelajuan dan kualiti yang tinggi serta tidak menggunakan teknologi hentaman.
- A. Pencetak laser (laser printer).
  - B. Pencetak pelbagai fungsi (multifunction printer).
  - C. Pencetak pancut dakwat (ink jet printer).
  - D. Pencetak termal (thermal printer).
- S10 Manakah antara berikut benar mengenai perisian sistem ?
- A. Perisian sistem merujuk kepada sistem pengoperasian sahaja.
  - B. Perisian pemprosesan perkataan adalah merupakan salah satu perisian sistem.
  - C. Perisian sistem terdiri daripada sistem pengoperasian dan program utiliti.
  - D. Perisian sistem merupakan perisian yang digunakan untuk menjalankan tugas-tugas tertentu.

- S11** Apakah yang dimaksudkan dengan sistem pengoperasian ?
- Antara muka antara perkakasan dan perisian aplikasi.
  - Sejenis perisian komputer yang digunakan untuk memproses input.
  - Suatu sistem yang menghubungkan sekumpulan komputer dan peranti sokongan yang lain seperti pencetak dan pengimbas.
  - Satu set aturcara yang mengawal dan menyelaras aktiviti-aktiviti sumber-sumber perkakasan dan perisian komputer.
- S12** Tujuan storan sekunder adalah
- menyimpan mesej dan arahan.
  - menyimpan teks, grafik dan audio.
  - menyimpan maklumat secara kekal atau separa kekal.
  - menyimpan arahan dan maklumat secara kekal.
- S13** Pilih pernyataan yang salah tentang perisian hamparan elektronik (spreadsheet).
- Microsoft Access* merupakan perisian hamparan elektronik.
  - Perisian *Lotus 1-2-3* merupakan perisian hamparan elektronik.
  - Perisian yang digunakan untuk membuat pengiraan dan analisis numerikal.
  - Data boleh dimasukkan ke dalam baris dan lajur tertentu yang dikenali sebagai *cell*.
- S14** \_\_\_\_\_ adalah himpunan perisian yang menjalankan tugas-tugas yang tertentu di satukan menjadi satu himpunan perisian, contohnya seperti perisian *Microsoft Office*.
- Perisian bersepadu (integrated software)
  - Set perisian (software suite)
  - Perisian shareware (shareware software)
  - Perisian sumber terbuka (open source software)
- S15** Rajah S15 di bawah merujuk kepada jenis topologi, \_\_\_\_\_.



Rajah S15

- A. Topologi Pepohon
- B. Topologi Bas
- C. Topologi Bintang
- D. Topologi Gelang

**S16** Apakah yang dimaksudkan dengan rangkaian komputer ?

- A. Sistem yang menghubungkan sekumpulan komputer dengan peranti sokongan yang lain.
- B. Sistem yang membuat analisis, perhitungan, perancangan dan permodelan di dalam komputer.
- C. Sistem yang digunakan bagi tujuan untuk penerbitan dan percetakan.
- D. Sistem komputer yang dibina daripada beberapa sub sistem untuk melakukan proses dan aktiviti.

**S17** Pilih fungsi-fungsi sistem pengoperasian yang betul.

- I. Menguruskan ingatan.
  - II. Menguruskan perkakasan.
  - III. Menguruskan perisian sistem.
  - IV. Menyediakan antara muka pengguna.
- A. I dan II sahaja.
  - B. II dan III sahaja.
  - C. I, II dan IV sahaja.
  - D. I, II, III dan IV.

**S18** Pernyataan manakah yang benar mengenai ingtan jenis RAM ?

- I Data yang disimpan adalah kekal.
  - II Data yang disimpan boleh diubah dan dihapuskan.
  - III Data yang disimpan tidak boleh diubah dan dihapuskan.
  - IV Data yang disimpan akan hilang apabila komputer dimatikan.
- A. II dan III sahaja.
  - B. II dan IV sahaja.
  - C. I, III dan IV sahaja.
  - D. I, II, III dan IV.

**S19** Pilih pernyataan yang benar tentang kebaikan topologi gelang.

- I Penghantaran data lebih laju.
- II Sesuai untuk rangkaian yang kecil.
- III Tiada pelanggaran data.
- IV Sebarang kerosakan pada rangkaian dapat dikesan dengan mudah dan pantas.

- A. I dan III sahaja.
- B. I, II dan IV sahaja.
- C. II, III dan IV sahaja.
- D. I, II, III dan IV.

**S20** Mengapakah seseorang pengguna komputer perlu mematuhi kod etika penggunaan komputer ?

- I Agar hak pengguna komputer lain dihormati.
- II Agar kesahihan data dan maklumat dipercayai.
- III Mengurangkan pelanggaran isu hakcipta.
- IV Membantu penulis berkarya dengan lebih banyak dan selesa.

- A. I, II dan III sahaja.
- B. I, III dan IV sahaja.
- C. II, III dan IV sahaja.
- D. I, II, III dan IV.

(20 markah)

## **BAHAGIAN B**

**S21** Anda diminta oleh pengetua baru sekolah anda untuk menerangkan perkakasan komputer yang terdapat di sekolah anda.

- (a) Nyatakan maksud perkakasan komputer.

(2 markah)

- (b) Jelaskan perkakasan input dan output yang terdapat di sekolah anda.

(4 markah)

- (c) Lakar dan terangkan dengan menggunakan gambarajah blok hubungan di antara perkakasan-perkakasan tersebut.

(10 markah)

**S22** Perisian sistem terdiri daripada aturcara yang mengawal operasi sesebuah komputer dan perkakasannya. Program utiliti merupakan salah satu jenis perisian sistem.

- (a) Nyatakan maksud program utiliti.

(2 markah)

- (b) Tunjukkan kaedah penggunaan program utiliti yang sesuai bagi meningkatkan keupayaan dan kecekapan komputer anda. (10 markah)

**S23** Pengguna komputer sering diancam dengan isu-isu keselamatan yang menyebabkan kehilangan data, kehilangan perkakasan dan kerosakan komputer.

- (a) Jelaskan empat isu keselamatan komputer yang boleh mengancam keselamatan teknologi maklumat dalam organisasi. (4 markah)
- (b) Tunjukkan kaedah kawalan keselamatan sistem komputer yang perlu diambil bagi memastikan keselamatan teknologi maklumat dalam organisasi anda terjamin. (10 markah)

### BAHAGIAN C

**S24** Penggunaan teknologi maklumat memberi banyak kesan sama ada secara positif atau negatif kepada organisasi dan masyarakat. Penggunaan teknologi maklumat secara beretika dan sihat perlu diamalkan oleh para pendidik.

- (a) Jelaskan empat etika penggunaan komputer. (4 markah)
- (b) Huraikan teknik-teknik yang perlu diambil bagi mengatasi masalah kesihatan dengan menghubungkan prinsip ergonomik dalam penggunaan peralatan teknologi maklumat. (10 markah)
- (c) Bincangkan kesan atau impak teknologi maklumat terhadap masyarakat. (5 markah)

**S25** Perisian aplikasi digunakan untuk menjalankan tugas-tugas yang tertentu mengikut kehendak pengguna.

- (a) Jelaskan fitur-fitur yang ada dalam perisian pemprosesan perkataan seperti Microsoft word. (4 markah)
- (b) Dalam menghasilkan satu poster yang berkualiti, jelaskan langkah-langkah dan alatan (*tool*) yang digunakan untuk menghasilkan poster tersebut. (10 markah)

- (c) Bincangkan perisian yang boleh digunakan untuk menghasilkan jadual maklumat pelajar dengan menggunakan contoh yang sesuai. (5 markah)

**S26** Anda dilantik sebagai pengurus rangkaian di sekolah anda. Kawasan yang banyak menggunakan komputer dan internet adalah di pejabat pentadbiran dan makmal komputer.

- (a) Jelaskan maksud rangkaian komputer. (4 markah)
- (b) Lukiskan topologi rangkaian yang bersesuaian dengan struktur bangunan sekolah anda. (10 markah)
- (c) Bincangkan kebaikan dan keburukan topologi rangkaian yang anda pilih. (5 markah)